

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**DI MAJLIS PELANCARAN PENGGUNAAN DIESEL ADUNAN MINYAK SAWIT**  
**(B5) DI DATARAN PUTRA**  
**21 MAC 2006**

-----

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

YANG AMAT BERBAHAGIA TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

YANG BERHORMAT DATUK PETER CHIN FAH KUI  
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

YANG BERHORMAT MENTERI-MENTERI

DIF-DIF KEHORMAT

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN

1. ALHAMDULLILAH, SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZIN-NYA, DAPAT KITA BERTEMU PADA PETANG INI DALAM MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH PERTAMA KE ARAH MEMULAKAN SATU ERA BARU. HARI INI KITA MELIHAT PELANCARAN SATU PROGRAM PERINTIS PENGGUNAAN BAHANAPI DARIPADA ADUNAN MINYAK SAWIT DAN PETROLEUM DIESEL UNTUK KENDERAAN AGENSI KERAJAAN TERPILIH. DENGAN IZIN ALLAH S.W.T. DAN DENGAN TEKAD USAHA KITA SEMUA, SAYA BERHARAP LANGKAH INI AKAN MEMBAWA KEPADA PERUBAHAN YANG BESAR DAN NYATA DALAM PENGGUNAAN BAHANAPI DI SELURUH NEGARA. SAYA BERHARAP LANGKAH INI JUGA AKAN MENJADI PEMANGKIN KEPADA SATU PERUBAHAN MINDA MASYARAKAT TERHADAP POTENSI SEKTOR KELAPA SAWIT DAN INDUSTRI ASAS TANI NEGARA.

2. SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI KERANA SUDI MENJEMPUT SAYA MELANCARKAN MAJLIS YANG PENUH BERMAKNA INI. SYABAS DAN TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA PIHAK KEMENTERIAN DAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (M.P.O.B.) DI ATAS INISIATIF YANG AMAT PENTING INI.

3. SEBENARNYA, MAJLIS INI MERUPAKAN KESINAMBUNGAN USAHA DAN KOMITMEN KERAJAAN UNTUK TERUS MEMBANGUNKAN INDUSTRI ASAS TANI NEGARA, KHUSUSNYA DI DALAM SEKTOR KELAPA SAWIT. PADA BULAN OGOS 2005 YANG LEPAS, KERAJAAN TELAH MENGUMUMKAN HASRAT UNTUK MENGGUBAL DASAR

BAHANAPI-BIO NEGARA UNTUK MENGGALAKKAN PENGGUNAAN BAHANAPI BERASASKAN SUMBER ALAM YANG BOLEH DIPERBAHARUI ATAU "RENEWABLE FUEL". HASRAT INI BERDASARKAN KEPEKAAN TERHADAP HARGA MINYAK MENTAH DUNIA YANG TELAH MENINGKAT, SEJAJAR DENGAN PERUBAHAN EKONOMI DUNIA, DI SAMPING USAHA MENAMBAH NILAI KEPADA SEKTOR PERTANIAN NEGARA DISAMPING MEMBANTU USAHA MEMELIHARA ALAM SEKITAR DI MALAYSIA.

4. SESUNGGUHNYA, ERA BAHANAPI MURAH BOLEH DIKATAKAN TELAH BERAKHIR. SETIAP NEGARA DI DUNIA KINI SEDANG BERUSAHA UNTUK MENANGANI SITUASI INI, TERMASUKLAH NEGARA-NEGARA YANG MENGHASILKAN MINYAK MENTAH. NEGARA KITA BOLEH DIKATAKAN BERTUAH. KITA MEMPUNYAI SUMBER-SUMBER ASLI YANG DAPAT MEMBANTU MENGURANGKAN KESUSAHAN DARIPADA KEMELUT KENAIKAN HARGA MINYAK MENTAH DUNIA. KITA BERUPAYA UNTUK MEMPELBAGAIKAN BAHANAPI DENGAN MENGGUNAKAN SALAH SATU KEKUATAN NEGARA IAITU MINYAK SAWIT. SEKIRANYA KITA BIJAK MENGGUNAKAN SUMBER INI, DAN DENGAN BERKAT PELAKSANAAN STRATEGI BAHANAPI YANG HOLISTIK, INSYA'ALLAH KITA AKAN DAPAT MENGATASI KEMELUT HARGA MINYAK MENTAH DUNIA DAN BERJAYA MENJAMIN BEKALAN SUMBER TENAGA YANG MAPAN DAN BERDAYA SAING BAGI NEGARA.

5. JUSTERU ITU, DASAR BAHANAPI-BIO NEGARA MENGGARISKAN PENGELUARAN BAHANAPI-BIO BAGI PENGGUNAAN KENDERAAN PENGANGKUTAN DAN SEKTOR INDUSTRI SEBAGAI SALAH SATU TERAS STRATEGIKNYA. DARIPADA PROGRAM PERINTIS YANG KITA SAKSIKAN HARI INI, KERAJAAN BERHASRAT UNTUK MEMPERLUASKAN PENGGUNAAN BAHANAPI BERASASKAN ADUNAN MINYAK SAWIT KEPADA KENDERAAN DAN KILANG-KILANG DI SELURUH NEGARA. UNTUK MEREALISASIKAN MATLAMAT INI, KERAJAAN DI BAWAH KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI SEDANG BERUSAHA UNTUK MEMBANGUNKAN STANDARD PRODUK YANG BOLEH DITERIMA DAN DIGUNAPAKAI OLEH SYARIKAT-SYARIKAT PENGELUAR MINYAK. KERAJAAN JUGA AKAN MENGUJI PENGGUNAAN BAHANAPI INI BERSAMA SYARIKAT PENGELUAR KENDERAAN SERTA SEKTOR INDUSTRI UNTUK MENINGKATKAN PENERIMAAN DAN MELUASKAN PENGGUNAANNYA. PERUNDANGAN DAN INSENTIF BAGI MENGGALAKKAN PENGELUARAN SERTA PENGGUNAAN BAHANAPI INI JUGA SEDANG DIKAJI.

6. DASAR BAHANAPI-BIO NEGARA JUGA MENEKANKAN PENGELUARAN BIODIESEL UNTUK EKSPOT SERTA PENGKOMERSILAN TEKNOLOGI BAHANAPI-BIO HASIL PENYELIDIKAN TEMPATAN. KITA HARUS MENGGUNAKAN KEKUATAN KITA DI DALAM INDUSTRI MINYAK SAWIT UNTUK MEMPELOPORI INDUSTRI BAHANAPI-BIO SEBAGAI SATU SEKTOR PERTUMBUHAN BARU BAGI NEGARA.

SAUDARI DAN SAUDARI SEKELIAN

7. SEBAGAI LANGKAH PERMULAAN, KERAJAAN AKAN MELAKSANAKAN PENGGUNAAN BAHANAPI-BIO ADUNAN B5 IAITU ADUNAN LIMA PERATUS MINYAK SAWIT DIPROSES DAN 95 PERATUS DIESEL PETROLEUM. INI AKAN MELIBATKAN PELAKSANAAN PENGGUNAAN SECARA BERPERINGKAT BERMULA DENGAN

KENDERAAN-KENDERAAN KEMENTERIAN DAN AGENSI KERAJAAN, SEBELUM IANYA DIPERLUASKAN UNTUK KEGUNAAN KENDERAAN AWAM.

8. PENGGUNAAN ADUNAN BAHANAPI-BIO SAWIT SEBENARNYA TELAH DILAKSANAKAN SECARA PERCUBAAN KE ATAS KENDERAAN M.P.O.B. DENGAN JAYANYA SEJAK TAHUN SEMBILAN BELAS LAPAN-PULUHAN LAGI. SEBAGAI LANGKAH SETERUSNYA, KEMENTERIAN PERTAHANAN, JABATAN KERJA RAYA SELANGOR, DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR DAN AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI AKAN MENJADI KUMPULAN PERINTIS DALAM PENGGUNAAN BAHANAPI-BIO B5 TERSEBUT. SAYA JUGA DIFAHAMKAN M.P.O.B. SEDANG BEKERJASAMA DENGAN PARA NELAYAN BAGI MERINTIS PENGGUNAAN BAHANAPI BERKENAAN UNTUK BOT-BOT MEREKA.

9. KAJIAN SAINTIFIK M.P.O.B. BAGI MASA INI MEMBUKTIKAN BAHAWA PENGGUNAAN BAHANAPI-BIO SAWIT TIDAK MELIBATKAN PENGUBAHSUAIAN ENJIN KENDERAAN, MALAH PRESTASI ENJIN SETANDING DENGAN PENGGUNAAN DIESEL BIASA DITAMBAH PULA DENGAN PELEPASAN ASAP DAN KARBON YANG LEBIH RENDAH. KAJIAN TERSEBUT KINI SEDANG DILANJUTKAN DENGAN SOKONGAN TEKNIKAL DARI PETRONAS RESEARCH AND SCIENTIFIC SERVICES YANG SEDANG MENJALANKANNYA BERSAMA SYARIKAT-SYARIKAT PETROLEUM YANG LAIN.

10. PENGLIBATAN SYARIKAT PENGELUAR KENDERAAN DALAM MEMBERI JAMINAN ATAU WARANTI ENJIN YANG MENGGUNAPAKAI BAHANAPI-BIO SAWIT ADALAH PENTING BAGI MENINGKATKAN KEYAKINAN PENGGUNA. DALAM PERKARA INI, INISIATIF SYARIKAT TAN CHONG INDUSTRIES SDN BHD WAJAR DICONTOHI KERANA SYARIKAT TERSEBUT TELAH MENGELUARKAN PERAKUAN UNTUK KENDERAAN KELUARAN MEREKA BAGI PENGGUNAAN BAHANAPI-BIO SAWIT. SAYA BERHARAP SYARIKAT PENGELUAR KENDERAAN DAN SYARIKAT-SYARIKAT PETROLEUM AKAN MENYOKONG INISIATIF KERAJAAN INI DENGAN MEMULAKAN KERJASAMA TEKNIKAL BERSAMA M.P.O.B. DALAM MASA YANG TERDEKAT.

11. DARI SEGI PENGGUNAAN UMUM PULA, SAYA DIMAKLUMKAN PIHAK PETRONAS DAGANGAN TELAH BERSETUJU SECARA PRINSIP UNTUK BEKERJASAMA DENGAN M.P.O.B. DALAM MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PENGISIAN BAHANAPI-BIO DI STESEN-STESEN MINYAK PETRONAS YANG TERPILIH. PENDEKATAN POSITIF PETRONAS INI WAJAR DIKUTI OLEH SYARIKAT-SYARIKAT MINYAK YANG LAIN YANG BEROPERASI DI NEGARA INI SUPAYA MATLAMAT KERAJAAN UNTUK MENYEDIAKAN BAHANAPI-BIO SAWIT SECARA MELUAS MENJELANG TAHUN 2007 AKAN TERCAPAI.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

12. SEBAGAI NEGARA PENGELUAR DAN PENGEKSORT UTAMA MINYAK SAWIT DUNIA, INDUSTRI BAHANAPI-BIO NEGARA SEWAJARNYA BERASASKAN MINYAK SAWIT. PENDEKATAN YANG SERUPA JUGA BERLAKU DI NEGARA-NEGARA PENGELUAR MINYAK SAYURAN DAN PRODUK PERTANIAN LAIN SEPERTI NEGARA KESATUAN EROPAH YANG MEMBANGUNKAN INDUSTRI BIODIESEL BERASASKAN

MINYAK BIJI SESAWI; MANAKALA INDUSTRI BODIESEL DI AMERIKA SYARIKAT TERTUMPU KEPADA PENGGUNAAN BODIESEL DARIPADA MINYAK KACANG SOYA; SEMENTARA INDUSTRI BAHANAPI-BIO DI BRAZIL TERTUMPU KEPADA PENGHASILAN ETHANOL DARIPADA TEBU YANG DIADUN DENGAN PETROL. PENGGUNAAN HASIL PERTANIAN NEGARA DALAM PENGELUARAN BAHANAPI-BIO TELAH MENYUMBANG KEPADA KEMAJUAN INDUSTRI PERTANIAN DI NEGARA BERKENAAN SERTA MEMBANTU MENSTABILKAN HARGA KOMODITI PERTANIAN PADA PARAS YANG LEBIH TINGGI. INI JUGA MERUPAKAN HASRAT DAN MATLAMAT KERAJAAN BAGI SEKTOR PERTANIAN DAN INDUSTRI SAWIT DI DALAM NEGARA.

13. BERDASARKAN POTENSI INDUSTRI BAHANAPI-BIO YANG TINGGI, BANYAK PIHAK TELAH MENUNJUKKAN MINAT UNTUK MENCEBURI BIDANG INI. SAYA DIFAHAMKAN SEHINGGA KINI SEBANYAK TUJUH LESEN PENGILANG BAHANAPI-BIO TELAH DILULUSKAN DAN SEBAHAGIAN LAGI MASIH DALAM PROSES PERTIMBANGAN. TIGA KILANG BODIESEL MENGGUNAKAN TEKNOLOGI M.P.O.B. DENGAN KAPASITI PENGELUARAN 60,000 TAN SETAHUN SETIAP SATU KINI SEDANG DALAM PEMBINAAN. KILANG PERTAMA DIJANGKA AKAN MULA BEROPERASI PADA AKHIR TAHUN INI.

14. SAYA PERCAYA BAHANAPI-BIO BERASASKAN SAWIT MERUPAKAN SATU BIDANG PERTUMBUHAN BARU YANG AMAT BERPOTENSI BAGI NEGARA. JUSTERU ITU, SAYA BERHARAP SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DAPAT BEKERJASAMA DAN BERUSAHA DENGAN LEBIH GIGIH BAGI MEREALISASIKAN POTENSI BAHANAPI-BIO SAWIT INI. INSYA'ALLAH CITA-CITA BESAR NEGARA BAGI SEKTOR KELAPA SAWIT DAN INDUSTRI ASAS TANI AKAN TERCAPAI MELALUI KOMITMEN DAN USAHA BERSEPADU SEMUA PIHAK DALAM MENJAYAKAN PROJEK NASIONAL INI.

15. AKHIR KATA, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI, M.P.O.B. SERTA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM PENGANJURAN MAJLIS INI. TAHNIAH JUGA DIUCAPKAN KEPADA KUMPULAN PENYELIDIK M.P.O.B. DI ATAS KEJAYAAN SAUDARA-SAUDARI MENGHASILKAN INOVASI INI YANG TELAH MELETAKKAN MALAYSIA SETANDING DENGAN NEGARA LAIN DALAM BIDANG BAHANAPI-BIO. SYABAS KEPADA KEMENTERIAN PERTAHANAN, JABATAN KERJA RAYA SELANGOR DAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR YANG MENJADI PERINTIS PENGGUNAAN BAHANAPI-BIO SAWIT BAGI KENDERAAN KERAJAAN, DAN JUGA KEPADA PIHAK PETRONAS DI ATAS KERJASAMA DAN SOKONGAN TEKNIKAL MEREKA.

16. DENGAN BERKAT DOA AGAR USAHA KITA INI AKAN DIBERKATI DAN DIRAHMATI ALLAH S.W.T., DAN DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN PELANCARAN BAHANAPI-BIO SAWIT KELUARAN MALAYSIA.

SEKIAN, TERIMA KASIH.